

IDENTITI DAN GAYA PENULISAN KARYA INDIE

IDENTITY AND WRITING STYLE IN INDIE

Nor Hasimah Ismail¹
Nordiana Ab Jabar²
Melor Fauzita Md. Yusoff³
Mohammad Syawal Narawi⁴

¹ Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, (nhsimah@uum.edu.my)

² Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, (nordiana.aj@umk.edu.my)

³ Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, (fauzita@uum.edu.my)

⁴ Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia, (syawal@uum.edu.my)

Accepted date: 01-09-2018

Published date: 15-12-2018

To cite this document: Ismail, N. H., Jabar, N. A., Yusoff, M. F. M., & Narawi, M. S. (2018). Identiti dan Gay Penulisan Karya Indie. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*, 1(4), 95-102.

Abstrak: Dewasa ini aktiviti penulisan dan penerbitan novel di Malaysia semakin berkembang. Perkembangan novel ini dibahagikan kepada beberapa tahap tertentu. iaitu perkembangan novel tahun 1920an, 1930an, 1946–1949, 1950-an, 1960an, 1970an, 1980an, 1990an dan kini *trend* genre penulisan novel ialah karya indie. Karya ini banyak diterbitkan dalam *blog*, *twitter*, *face book* dan lain-lain bentuk media sosial. Penulisan karya indie agak berbeza daripada jenis novel yang lain. Karya baharu ini tidak mempunyai ciri-ciri penulisan yang tertentu. Malahan ceritanya berbentuk bebas dan tidak terikat. Karya ini tidak ada editor dan diterbitkan sendiri. Ramai penulis yang menerbitkan buku kerana mahu menyampaikan ekspresi diri masing-masing tanpa ada halangan. Selain mengekspresikan diri, karya indie juga merupakan luahan cerminan masyarakat yang disampaikan dalam bentuk prosa. Kajian ini akan melihat novel karya indie dan akan meneliti identiti dan gaya penulisannya.

Kata Kunci: Novel, Karya Indie, Identiti, Dan Gaya Penulisan Karya Indie

Abstract: Novel in Malaysia increasingly growing. Development of novel divided into some into several parts, namely, the development of novels 1920s, 1930s, 1946 – 1949, expansion of the 1950s, the development of the 1960s, 1970s, 1980s, 1990s and developments to date latest trends was the novel work of indie. A lot of this works has been published in the twitter blog, facebook and others. Indie writing style quite different from other novel types. This new writing style does not have the characteristics of a particular writing. Even the form of the non-story and not be bound. The work there is no editor and published by themself. Many authors who publish the book because they like to convey self-expression respectively. This is the expression of indie work as a reflection of the society presented in the form of prose.

This study will be viewed at the novel and to review into identity and authorship of the indie writing style.

Keywords: Novel, Expansion, Indie Work, Identity, And Indie Writing Style

Pengenalan

Perkataan *novella* berasal dari Itali yang bermaksud ‘perkhabaran baru’ atau ‘cerita yang pendek’. Karya ini telah diperkembangkan oleh Barat sehingga menjadi penulisan yang popular. Tempias penulisan karya indie telah mengenai penulis-penulis di Malaysia dengan kedatangan Inggeris sehingga ada yang telah mengubah pemikiran dan kehidupan masyarakat khasnya dalam tatacara penulisan novel. Hal ini kerana pengenalan alat cetak juga memungkinkan bahan cetakan ini disebar secara meluas. Penerbitan ini juga mampu berfungsi sebagai penyebar, keterangan, pengetahuan dan juga sumbangan kepada pemupukan fikiran orang Melayu pada masa itu. Selain itu, muncul juga gerakan reformasi Islam di Timur Tengah. Gerakan ini menjadi sumber inspirasi serta ransangan kepada orang Melayu agar membaiki taraf hidup mereka. Secara tidak langsung bahan bacaan luar negara ini memberi peluang kepada orang Melayu mendekatkan diri kepada dunia luar. Ekoran dari ini timbulah usaha untuk menterjemahkan bahan sastera ini. Pada peringkat awal sastera Inggeris diberi keutamaan penterjemahan berbanding sastera Timur Tengah.

Novel awal Melayu ialah *Hikayat Setia Asyik kepada Masyuknya* yang kemudiannya dikenali sebagai *Hikayat Faridah Hanum* yang ditulis oleh Syed Sheikh al-Hadi. Namun demikian terdapat juga pendapat yang mengatakan karya ini adalah saduran kerana watak dan latar adalah luar negara. Seterusnya novel *Kawan Benar* tahun 1927 karya Ahmad bin Haji Muhammad Rashid Talu. Novel ini mengemukakan plot cerita latar tempatan.

Pada tahun 1930-an novel yang terhasil ialah *Siapa Jahat? Perangkap Hitam* dan *Rahimah binti Abdullah*. Terdapat juga novel dalam majalah iaitu *Kawan Bercakap*, *Silap*, *Sedih* dan *Dua Kali Selawat*. Karya – karya ini wujud kerana timbul kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang perlunya menghantar anak ke sekolah. Sehubungan itu, bahan bacaan semakin banyak diperlukan. Persoalan novel pada peringkat ini adalah berkisar tentang pertemuan pertama, kejayaan dan kegagalan bercinta.

Karya pada tahun 1940an banyak ditulis oleh Abdullah Sidek, Ahmad Bakhtiar, Shamsuddin Salleh, Adnan al Fikri, dan Ishak Haji Muhammad. Penulis wanita yang muncul ialah Rafiah Yusoff bertajuk *Cinta Budiman*. Rafiah Yusuf menghasilkan karya berjudul *Dua Pengembaraan*. Dalam tempoh ini persoalan yang diutarakan ialah kisah cinta, kahwin paksa, dan soal kerukunan rumah tangga.

Perkembangan Kesusteraan Melayu lebih bermakna selepas awal Perang Dunia Kedua iaitu tahun 1950-an kerana pembentukan Angkatan Sastera (Asas 50). Ini merupakan revolusi mental orang Melayu menerusi perjuangan bahasa dan kesusteraan. Persoalan plot lebih realistik ke arah hakikat kehidupan dengan teknik penulisan yang maju serta terdapat sifat ketelitian pengarang dalam menjalankan sesbuah cerita.

Pada tahun 1960an aspek sastera tertumpu kepada isu sosial, politik dan ekonomi. Perkembangan novel Melayu pada tahun 1970-an, 1980-an dan 1990-an semakin rancak dan menggalakkan. Dalam era ini, sastera indie mulai berkembang.

Sastera indie ialah sejenis genre penulisan baharu yang tidak mempunyai sebarang bentuk yang jelas. Pada awalnya karya ini dikenali melalui *Facebook*, *blog*, dan *twitter*. Karya ini tidak mempunyai ciri-ciri penulisan yang tertentu. Genre ini juga dianggap lebih santai dan bersahaja. Kebiasaan novel karya indie ini bebas ditulis dan diterbitkan. Penceritaannya banyak berkisar tentang genre agama, aksi, cinta, cuti-cut, fantasi, gender, grafik, jenayah, komedi, misteri, penyiasatan, persahabatan, seram, psikotik, politik, sukan dan lain-lain. Sastera indie juga dimanifestasikan sebagai kebebasan berfikir. Idea yang diutarakan tidak terkawal dan tiada ikatan peraturan. Novel karya indie juga tidak terikat dengan undang-undang penerbitan atau norma hidup. Terdapat juga karya yang bersifat sarkastik, memberontak, maki-hamun, jenaka, menentang, *establishment*, catatan diari, nasihat agama, kata-kata pendek, catatan perjalanan dan sebagainya.

Indie berasal dari bahasa Inggeris iaitu *independent*. Bermaksud berdiri sendiri dan bebas. Terdapat beberapa pendapat yang menyatakan bahawa perkataan indie ini lebih senang di dengar dan lebih bergaya serta bersahaja. Karya indie ini mempunyai kelompok pengikutnya yang tersendiri kerana konteks kreativiti penulis terserah, namun kandungan berkaitan watak dan perwatakan kadangkala kurang sesuai untuk di dedahkan.

Sastera indie juga dikaitkan dengan kebebasan berfikir dan idea yang tidak dikawal dengan sebarang bentuk ikatan peraturan. Buku indie biasanya diterbitkan secara persendirian oleh seseorang, kumpulan atau kumpulan dalam bentuk komuniti atau organisasi. Naskah ini ditulis kerana persamaan minat, ideologi dan bahasa. Buku indie ini biasanya diterbitkan sendiri oleh penulis kerana penulis beranggapan bahawa pihak penerbitan tidak memberi kebebasan dalam penulisan. Pandangan lantang dan berterus terang biasanya akan digagalkan penerbitannya oleh pihak penerbit. Penulis novel indie mahukan hak kebebasan dalam penerbitan buku.

Kajian mendapati karya ini lebih memberi fokus kepada kandungan karya berbanding nilai bahasanya. Hal ini kerana karya ini lebih mengutamakan pembaca sasaran. Justeru bahasa yang santai digunakan agar audien atau pembaca dapat menggapai apa yang hendak disampaikan. Pengarang hanyalah sebagai pencerita yang menghasilkan karya dalam bentuk prosa. Dalam menghasilkan karya pengamatan, pengalaman dan persekitaran adalah gabungan yang penting dalam menghasilkan sesautu cerita. Apa yang disampaikan adalah dari minda ke mata pena. Seringkali terjadi perlanggaran tatabahasa bahasa Melayu. Hal ini adakalanya disengajakan kerana karya indie mempunyai identitinya yang tersendiri, iaitu tidak mengikut peraturan.

Baha Zain (2015: 23) menyatakan bahawa kreativiti, inovasi dan pembaharuan dalam persuaratan Melayu terletak pada tangan pengarang, sasterawan dan penulis sendiri. Pengarang menulis dengan bebas (isi atau *subject matter*, tema, gaya dan nada bahasa) sama seperti arkitek yang memindahkan lukisan konsep binaan di permukaan kertas ke atas bumi untuk menjadi realiti baharu. Konsep indie agak kabur, namun setiap karyanya mempunyai nilai moral yang tersendiri. Justeru pengarang sendiri yang akan menentukan corak atau gaya penulisan karya yang dihasilkan.

Sorotan Karya

Kajian peringkat Doktor falsafah berkenaan novel telah dikaji oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi bertajuk *Pemikiran dan teknik penceritaan dalam novel komponen sastera*

dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada tahun 2005 di Universiti Putra Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat daripada 20 novel yang menggunakan pendekatan psikologi dan etika. Objektif kajian ini untuk menganalisis pemikiran yang diungkapkan oleh pengarang dan melihat kepelbagaiannya teknik penceritaan yang digunakan dalam novel yang dikaji. Kajian ini menganalisis pemikiran yang merangkumi aspek sosiobudaya, sosio politik dan sosioekonomi dalam karya-karya pilihan. Aspek ini diteliti untuk melihat perkaitannya dengan masyarakat. Seterusnya menganalisis teknik penceritaan pula merangkumi teknik pemerian, tuturan yang terdiri dan kejutan. Teknik tersebut mempunyai fungsi masing-masing dalam perkembangan plot cerita.

Kajian seterusnya bertajuk *Persoalan dalam novel Norhayati Berahim* oleh Nun Haslina binti P. Ramli dari Universiti Putra Malaysia pada tahun 2007. Kajian ini bertolak daripada tanggapan umum bahawa novel-novel penulis muda dikatakan lebih cenderung terhadap persoalan-persoalan yang ringan. Sehubungan itu, kajian ini menganalisis tiga buah novel Norhayati Berahim, iaitu *Hati seorang wanita*, *Sayang tak terucap dan Cinta pertama*, mengenal pasti sama ada novel-novel beliau cenderung terhadap persoalan-persoalan yang ringan atau sebaliknya. Analisis mendapati bahawa novel-novel yang dikaji cenderung dalam mengutarkan persoalan-persoalan tertentu yang pada asasnya dapat dibahagikan kepada dua, iaitu persoalan positif, dan persoalan negative. Merujuk kepada persoalan positif, analisis mengenal pasti persoalan-persoalan seperti cinta dan kasih saying, kepercayaan kepada Allah, kesabaran, tanggungjawab, ketabahan hati, kemaafan, kesetiaan dan keinsafan. Merujuk kepada persoalan yang negative pula, analisis mengenal pasti persoalan-persoalan seperti keruntuhan yang negates seperti keruntuhan moral, cemburu, kecurangan, kekecewaan, dendam, kesedihan dan penipuan. Walau bagaimanapun, analisis turut mengenal pasti bahawa persoalan-persoalan-persoalan tersebut tidak dapat digolongkan sebagai persoalan berat yang menuntut kepada daya intelektual tinggi.

Kajian Nor Najwa Azmee peringkat Sarjana tahun 2014 di Universiti Putera Malaysia berkaitan *Citra wanita dalam karya-karya penulis lelaki terpilih*. Kajian ini berkenaan watak wanita yang sering dijadikan ‘pelakon’ utama dalam karya-karya yang ditulis oleh pengarang lelaki sejak tahun 1926 iaitu dapat dilihat dalam novel pertama, berjudul *Faridah Hanum* tulisan Syed Sheikh al Hadi berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat perbezaan pendapat antara pengkritik mengenai peranan wanita dalam karya-karya penulis lelaki. Pengarang lelaki dikatakan lebih cenderung memperindah-rendahkan watak wanita dalam karya mereka sehingga wanita tidak diberi hak yang sama rata dalam masyarakat. Namun begitu terdapat juga pengarang lelaki yang meletakkan watak wanita sebagai pembela kepada bangsa mereka memberi sumbangan yang besar dalam kehidupan bermasyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti watak wanita yang digambarkan oleh penulis lelaki serta menganalisis peranan wanita yang diangkat dalam karya pengarang lelaki. Kajian ini menggunakan dua buah novel iaitu *Sangeetha* oleh Azizi Haji Abdullah dan *Wajah sorang wanita* oleh S. Othman Kelantan. Kajian ini ialah untuk mengenal pasti watak wanita watak wanita yang digambarkan oleh pengarang lelaki berdasarkan kritikal yang pernah dibuat terhadap karya-karya tersebut. Bagi membuktikannya kewujudan citra wanita dalam karya – karya yang dipilih. Kajian ini menggunakan pendekatan feminism dengan mengaplikasikan kritik feminis. Pendekatan ini relevan kerana kajian ini menyentuh tentang watak wanita yang diangkat dalam karya yang dikarang oleh pengarang lelaki.

Kajian seterusnya ialah peringkat sarjana tahun 2014 dari Universiti Sains Malaysia dibuat oleh Nor Shuhada binti Rosli yang bertajuk *Paparan Identiti oleh remaja kajian kes terhadap beberapa blog pilihan*. Kajian ini mengkaji paparan identiti remaja dalam beberapa bog terpilih. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis

kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa ciri-ciri identiti yang dipaparkan di blog remaja lelaki dan perempuan seperti biodata diri, halaman (*layout*) penggunaan warna dan hiasan ain di blog. Malah pemilik blog remaja lelaki cenderung memaparkan perkara positif dan bukan peribadi. Berbanding remaja perempuan yang lebih cenderung memaparkan perkara peribadi di blog mereka. Oleh itu, kajian ni menunjukkan identity maya yang dicipta oleh pemilik blog remaja lelaki dan perempuan dibina daripada identity dan watak mereka di luar alam maya.

Batasan Kajian

Kajian ini berkenaan novel Indie *Kelabu* karya Nadia Khan, *Awek Chuck Taylor* oleh Nami Cob Nobbler dan *Saka* Karya Azwar Kamaruzaman. Karya ini merupakan karya indie yang tersohor dan mendapat sambutan peminat karya indie. Malahan buku ini juga diulang cetak beberapa kali kerana sambutan yang memberansangkan. Plot cerita karya ini agak berbeza dan menarik perhatian pembaca.

Analisis

Dapatkan mendapati terdapat beberapa gaya dan identiti karya indie yang membezakannya daripada bentuk gaya penulisan novel sedia ada. Dalam karya ini didapati pengarang cuba menyampaikan maksud sebenar yang berlaku dipersekutaran secara berterus terang. Ungkapan kata yang dilontarkan bersahaja dan bebas tanpa terikat dengan tatabahasa. Malahan kata-kata yang diungkapkan adalah luahan rasa dan penggunaan bahasa sehari-hari dalam perbualan. Menurut Arba'ie Sujud dalam *Kesusasteraan dan Pendidikan* (2016: 27) "seorang penulis tidak akan melepaskan dirinya daripada bertanggungjawab untuk menyampaikan mesej sama ada dalam bentuk peringatan, nasihat atau panduan kepada khalayak pembaca melalui olahan dan penggunaan bahasa yang terpilih, berseni dan indah yang dipancarkan melalui kehalusan, ketertiban, bersistem dan nilai estetik yang dimiliki."

Luahan rasa yang disampaikan dalam karya:

"Bukan macam tu Zal, tapi dia adalah sejenis manusia yang mahukan kepastian. Macam kau juga, kau nak kepastian dari Mira yang Mira ni sayang kau ke tak, betul tak?"

"Betul mestilah aku nak kepastiang."

"Mesti kau bertanya bukti

"Mesti"

"Sama la macam dia"

(2016: 210)

Dialog bahasa sehari-hari digunakan dalam karya

"woi. Mu!

"Ha Faizal, chat dengan Mira?"

"Haa...ye la. Mu gi mana tak nampak dari semalam?

Selalu menyibuk je kat sini."

"Aku KL jap".

(2016: 210)

Karya indie juga disampaikan dalam bentuk bahasa yang bercampur. Oleh kerana karya ini bebas maka isu ini banyak dipaparkan dalam karya indie khasnya *Awek Chuck Taylor*.

"Kenapa ni?" Tanya aku. Mira agak senyap.

"Thanks for coming tonight." Dia senyum.

“I am just a replacement je.”

“A good replacement.”

“Kenapa you break up dengan boy friend you?”

“Because Hafiz, dia tu is a pain in the ass. Nak bawak jumpa parent la, cerita kahwin la, cerita segala isi babi yang ada dalam alam Melayu ni. And I hate that.

“What is your dream, Mira?”

“Me? I want to change the world. Cuba you tengok, apa punca penindasan dalam dunia ni? Peranginan, pencemaran udara. I tak nak jadi bimbo yang tak bother about what happened di sekeliling I. I tak suka perangai Melayu ni sebab dia ni ignorant.

(2016: 47)

Bahasa yang digunakan dalam novel ini bercampur aduk antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahasa sebegini sering digunakan dalam perbualan sehari-hari oleh para remaja seperti yang berlaku dalam kalangan masyarakat kini. Namun demikian penggunaan sedemikian terdapat pro dan kontra dalam penggunaan bahasa. Menurut Lutfi Abas (1995: 53) sesuatu karya seni, termasuk karya sastera yang dapat dihasilkan oleh seniman, diusahakan dengan seindah-indahnya agar pengamatan mendapat kesenangan daripadanya. Keindahan karya seni terletak pada unsur-unsur (fizikal dan tema). Sebenarnya walaupun bahasa yang digunakan adalah bebas, namun penulis perlu membatasi dengan penggunaan bahasa yang santun agar karya menjadi lebih estetik dan menarik. Dalam hal ini jelas pengkarya indie sebenarnya orang yang berani. Orang yang berani memikul tanggungjawab adalah orang yang bersedia untuk menerima amanah yang berat bagi mengendalikan kehidupan sesebuah masyarakat, baik masyarakat kecil atau besar. Selain itu, dalam masa yang sama sanggup pula menerima cemuhan, kritik, caci maki dan sebagainya. Namun, keberanian adalah lambang orang yang mempunyai kekuatan peribadi (2005: 117). Seterusnya Umar Junus dalam Sosiologi Sastera Persoalan Teori dan Metode (1986: 102) menjelaskan kemasukan kata-kata asing ini disebabkan oleh kesedaran penulis bahawa dia menceritakan masyarakat yang telah dipengaruhi oleh unsur asing.

Walaupun karya indie bersahaja namun segala ungkapan yang diutarakan juga mengandungi unsur khayalan serta pemikiran diluar jangkauan. Dalam cerita *Saka* plot cerita agak luar biasa kerana penuh dengan unsur – unsur implisit.

Sebenarnya wanita tua itulah yang menghalang Azmi untuk menelefon pihak bomba ketika rumah Leman tengah marak dijilat api. Perempuan tua yang entah apa namanya itu cukup tidak suka akan keluarga Leman. Tambahan pula apabila mengetahui Leman itu dilahirkan tanpa bapa. Lagilah perasaan meluap-luap benci itu marak dalam badannya.

Bukan itu saja, perempuan itu juga sedaya upaya mencari bahan tentang keluarga itu suapaya orang lain membenci mereka. Ada-ada saja cerita-cerita. Buruk yang dia bawak yang boleh membuat orang lain membenci keluarga Leman. Buruk lebih banyak daripada baik. Salah lebih banyak daripada betul.

Begitulah apa yang diperkatakan oleh Nabi Muhammad. Fitnah seorang perempuan itu sangat bahaya. Sehingga boleh menjatuhkan sesebuah institusi negara. Sebab itulah Tuhan menjatuhkan hukuman di dalam kitab suciNya. Fitnah itu lebih besar dosanya daripada daripada

membunuh. Kerana fitnah Nabi Yusof hamper terseksa. Kerana fitnah jugak Nabi Muhammad hampir saja terhina. Tapi kerana mereka Nabi, mereka sentiasa dijaga dan dirahmati Tuhan. Tapi kita? Yang insan biasa? Yang entah apa darjatnya di mata Tuhan? Jadi berhentilah lidah yang memfitnah. Sekiranya tidak mampu potonglah lidah itu adalah lebih bagus daripada kau memperoleh dosa yang lebih hebat daripada memebunuh.

(2016: 45&46).

Dalam konteks ini walaupun karya indie santai dan bersahaja. Namun demikian terdapat banyak unsur tersirat dan tersurat yang mengandungi maksud yang mendalam. Segala penyampaian plot cerita mengandungi sindiran dan herdikan yang mempunyai maksud yang tersendiri. Hal ini kerana komunikasi antara manusia bukan sahaja mementingkan kepada penyaluran mesej daripada satu sumber kepada seseorang penerima yang lain. Keberkesanannya proses komunikasi antara manusia juga dipengaruhi oleh maklum balas, pengaruh persekitaran, amalan sistem sosial, pemilihan saluran yang bersesuaian dan sejauh mana maklumat serta jalinan hubungan yang ingin diwujudkan berjaya memenuhi kehendak serta keperluan manusia yang terlibat (2015: 47).

Tidak keterlaluan kalau dikatakan sejak kira-kira satu atau dua dekad lampau muncul penulis generasi muda yang lahir daripada pelbagai disiplin ilmu, yang kehadiran mereka kian dirasai oleh dunia sastera Melayu dan masyarakatnya (2016:18).

Kesimpulan

Keseluruhannya jelas identiti gaya bahasa karya indie sangat santai dan bebas. Malahan bahasa yang digunakan mudah dan senang difahami. Perlanggaran tatabahasa bukan tidak sengaja tetapi sengaja dilanggar agar bersesuai dengan sifat indie tersebut. Walaupun demikian, karya indie juga mempunyai unsur moral secara langsung dan tidak langsung yang perlu diteliti dengan lebih terperinci agar tercapai maksud yang hendak diungkapkan. Jelaslah identiti dan penulisan indie adalah mengikut gaya dan kehendak pengarang.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan Grant RAGS S/O Kod 13270 Universiti Utara Malaysia.

Rujukan

- A. Wahab Ali (2012). Kemunculan Novel Dalam Sastera Moden Indonesia dan Malaysia: Satu Kajian Perbandingan. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Abdul Rahman Abdul Azizi (2005). Nilai & Etika Dalam Pembangunan. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Anwar Ridhwan (2016). Budaya Sastera & Seni. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya (2012). Pendidikan Pembangunan Modal Insan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Azwar Kamaruzaman (2016). Saka. Selangor: Legen Press Sdn Bhd.
- Emiloglu, Yulduz (1995). Suara batin wanita: Satu kajian perbandingan di antara karya penulis wanita melayu dengan karya penulis wanita Mahua 1957 – 1982. Tesis Falsafah Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

- Lutfi Abas (1995). Kritikan Karya Sastera Sebagai Karya Seni. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baha Zain (2013). Memartabatkan Persuratan Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Baharudin Othman dan Mohd Khairie Ahmad (2015). Pengantar Komunikasi. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Nadi Khan (2015). Kelabu.Petaling Jaya: Buku Fixi.
- Nami Cob Nobbler (2016). Awek Chuck Taylor. Selangor: Legen Press Sdn Bhd.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2005). Pemikiran dan teknik penceritaan dalam novel komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nor Najwa Azmee peringkat Sarjana (2014). Citra wanita dalam karya-karya penulis lelaki terpilihTesis Sarjana Sastera yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nor Shuhada binti Rosli (2014). Paparan Identiti oleh remaja kajian kes terhadap beberapa blog pilihan. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nur Haslina binti P. Ramli (2007). Persoalan dalam novel Norhayati Berahim. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Umar Junus (1986). Sosiologi Sastera Persoalan Teori dan Metode. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sejarah Kesuasteraan Melayu. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Diperoleh pada Julai 22,2018, daripada <http://pustakapedia.com/memahami-definisi-buku-indie/>
- Diperoleh pada Ogos 26,2018, daripada <https://www.bharian.com.my/node/115468>
- Diperoleh pada Julai1,2018, daripada <http://www.utusan.com.my/pendidikan/sastera/karya-indie-umpama-grafiti-1.205295>
- Diperoleh pada Mei 14,2016, daripada http://www.goodreads.com/author/show/1834594.Nadia_Khan
- Diperoleh pada Mei 14,2016, daripada <http://www.goodreads.com/book/show/13107719-kelabu>
- Diperoleh pada Julai15,2018, daripada <http://dimensinews.com.my/2016/06/13/kebangkitan-ledakan-karya-indie/>
- Diperoleh pada Jun10,2018, daripada <https://iluminasi.com/bm/5-penerbit-buku-indie-alternatif-paling-cemerlang-di-malaysia.html>
- Diperoleh pada Jun15,2018<https://iluminasi.com/bm/5-penerbit-buku-indie-alternatif-paling-cemerlang-di-malaysia.html>